

16/10/1998

60 pelajar berpeluang wawancara pemimpin

KIRA-KIRA 60 penuntut Malaysia dan Amerika Syarikat berpeluang mewawancara ketua kerajaan dan pemimpin perniagaan yang akan menghadiri Sidang Puncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur dari 14 hingga 18 November ini.

Antara pemimpin yang dijadualkan menyertai program Wawancara Global itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton; Presiden Chile, Eduardo Frei; Presiden Peru, Alberto Fujimori; Pengerusi Bank of China, Wang Xuebing; dan Perdana Menteri New Zealand, Jenny Shipley.

Turut serta, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Setiausaha Perdagangan dan Industri Amerika Syarikat, Charlene Barshefsky; dan Pengerusi Morgan Stanley, John S Wadworth.

(END)